



MAIPs

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia dan keutamaan diberikan kepada anak Negeri Perlis yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan bagi jawatan bertaraf TETAP di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) seperti berikut:

Bil	Nama Jawatan Gred	Kumpulan Perkhidmatan	Gaji Minimum – Maksimum (RM)
1.	PENOLONG AKAUNTAN GRED W29 (1 Kekosongan)	Pelaksana	1,498.00- 5,678.00
2.	PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N29 (1 Kekosongan)	Pelaksana	1,493.00- 5,672.00
3.	PENOLONG JURUTERA GRED JA29 (2 Kekosongan)	Pelaksana	1,549.00- 5,701.00
4.	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19 (2 Kekosongan)	Pelaksana	1,352.00- 4,003.00
5.	PEMANDU KENDERAAN GRED H11 (1 Kekosongan)	Pelaksana	1,218.00- 2,939.00

1. JAWATAN: PENOLONG AKAUNTAN GRED W29

Jawatan : **PENOLONG AKAUNTAN GRED W29**
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Taraf jawatan : Tetap (1 kekosongan)
Jadual Gaji:

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
1,498.00	5,678.00	RM145.00

1. Syarat Lantikan:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) warganegara Malaysia;
- b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) memiliki:
 - i. Sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred W29: RM1,510.92); atau
 - ii. *Certified Accounting Technician (CAT)* yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji Permulaan pada Gred W29: RM1,510.92); atau
 - iii. Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred W29: RM1,776.08)
 - iv. *Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred W29: RM2001.68).

2. Syarat Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Deskripsi Tugas:

Bertanggungjawab melaksanakan, menyelia sistem dan operasi berkaitan dengan akaun pembayaran gaji, kutipan hasil, terimaan hasil, klasifikasi hasil, penyelenggaraan buku tunai, daftar deposit, amanah dan penyediaan laporan tahunan.

2. JAWATAN: PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N29

Jawatan : **PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N29**
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Taraf jawatan : Tetap (1 kekosongan)
Jadual Gaji:

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,493.00	RM5,672.00	RM145.00

4. Syarat Lantikan:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- d) warganegara Malaysia;
- e) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- f) memiliki:
 - i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM 1,493.00); atau
 - ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM 1,493.00); atau
 - iii. Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM 1,770.95).

5. Syarat Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

6. Deskripsi Tugas:

Melaksanakan kerja-kerja yang berkaitan pengurusan pentadbiran pejabat, pengurusan kewangan, perolehan bekalan dan pembangunan, pengurusan perkhidmatan personel, pengurusan majlis rasmi dan tanggungjawab berkaitan pengurusan Wakaf dan MAL.

3. JAWATAN: PENOLONG JURUTERA GRED JA29

Jawatan : **PENOLONG JURUTERA GRED JA29**
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Taraf jawatan : Tetap (2 kekosongan)
Jadual Gaji:

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,549.00	RM5,701.00	RM145.00

1. Syarat Lantikan:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) warganegara Malaysia;
- b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) memiliki:
 - i. sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf setaraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM 1,549.00); atau
 - ii. Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM 1,935.02)

2. Syarat Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Deskripsi Tugas:

Pelaksanaan projek bagi skop kerja kejuruteraan antaranya kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik iaitu mengumpul maklumat untuk penyediaan reka bentuk, menyedia dan menyemak lukisan kejuruteraan dan *Bill of Quantity*, merekod inventori, mengawas tapak projek, menyelia pelaksanaan kerja pengawasan pembinaan di tapak projek, menyediakan laporan kemajuan projek, membantu kerja-kerja perundingan dan penyediaan sebutharga dan tender, menjalankan kerja penyenggaraan bangunan dan workshop, melaksanakan kerja-kerja kawalan, pengujian, penyenggaraan berkala peralatan elektrik, merancang dan menyusun aktiviti bagi mengawal selia sistem pengairan dan saluran serta menjalankan tugas-tugas berkaitan.

4. JAWATAN: PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19

Jawatan : **PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19**

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

Taraf jawatan : Tetap (2 kekosongan)

Jadual Gaji:

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,352.00	RM4,003.00	RM100.00

1. Syarat Lantikan:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) warganegara Malaysia;
- b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) memiliki **kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- d) memiliki:
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM 1,352.00) atau
 - ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM 1,408.40) atau
 - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM 1,464.80)

2. Deskripsi Tugas:

Melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

5. JAWATAN: PEMANDU KENDERAAN GRED H11

Jawatan : **PEMANDU KENDERAAN GRED H11**
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Taraf jawatan : Tetap (1 kekosongan)
Jadual Gaji:

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,218.00	RM2,939.00	RM80.00

1. Syarat Lantikan:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) warganegara Malaysia; dan
- b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) memiliki **kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- d) memiliki:
 - i. Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 - ii. Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
 - iii. Berkebolehan memandu, mengendali, dan menyenggarakan kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan ialah pada Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

- a. Lesen D: RM1,264.15
- b. Lesen E/E1/E2: RM1,310.30
- c. Lesen F/H: RM1,356.45
- d. Lesen G/I: RM1,402.60

2. Deskripsi Tugas:

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/ jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan yang bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan/jentera yang meliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan, pacuan empat roda, dan bas.

CARA MEMOHON:

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Pengisian Jawatan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis yang boleh didapati melalui laman web rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis dengan melayari www.maips.gov.my dan kaunter pentadbiran ini.
2. Hanya calon yang berkeelayakan selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
3. Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan dan temuduga jawatan ini adalah tanggungjawab calon.
4. Semua permohonan jawatan perlu disertakan *resume* dengan sekeping gambar terkini berukuran passport, bersama salinan sijil/dokumen-dokumen yang telah disahkan seperti berikut:
 - i) Kad Pengenalan
 - ii) Sijil kelahiran
 - iii) Sijil berhenti sekolah
 - iv) sijil-sijil Akademik
 - v) sijil kegiatan luar (jika ada)
 - vi) Lain-lain dokumen pengesahan pernah menjalankan tugas berkaitan dengan jawatan dipohon.
5. Pemohon juga dikehendaki membawa dokumen-dokumen **(Asal)** semasa menghadiri temuduga tersebut.
6. Permohonan yang lewat atau tidak lengkap tidak akan dilayan dan akan dianggap tidak Berjaya.
7. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
8. Satu borang hanya untuk satu permohonan jawatan sahaja.
9. Sila tulis 'nama jawatan' disebelah atas kiri sampul surat bagi permohonan jawatan yang dikemukakan.
10. Permohonan yang telah lengkap diisi beserta Salinan dokumen yang telah disahkan hendaklah dialamatkan atau dihantarkan kepada:

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS
NO. A2, TAMAN PENGKALAN ASAM
JALAN TUANKU SYED PUTRA
01000 KANGAR
PERLIS**

TARIKH TUTUP IKLAN: 14 APRIL 2021 (JUMAAT)

TARIKH: 25 MAC 2021